

BTC Nasional | 27/2/14 (Khamis) MS 12

Bank Islam perkenal kad UniDebit untuk pelajar IPT

Kuantan: Semua pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara, akan menikmati kemudahan kad debit Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) secara berperingkat.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, pengenalan kad debit itu sebagai sebahagian usaha menyediakan kemudahan urus niaga tanpa tunai untuk kemudahan pelajar IPT sejajar dengan hasrat kerajaan mencapai status negara maju pada 2020.

Katanya, kad UniDebit itu menawarkan fungsi tambahan berbanding kad debit biasa, kerana ia menyediakan akses mudah kepada pelajar IPT berurusan di perpustakaan

universiti masing-masing dan turut berfungsi sebagai kad pengenalan (ID) pelajar itu sendiri.

Urus niaga dalam talian

"Menerusi kad UniDebit ini, pelajar boleh melakukan urus niaga dalam talian untuk membeli buku rujukan, peralatan belajar dan lain-lain keperluan."

"Selain kemudahan on the campus yang unik, kad debit ini juga adalah titik permulaan yang baik untuk pelajar menggunakan ciri yang disediakan perkhidmatan perbankan semasa."

"Matlamat kita membolehkan pelajar IPT mendapat faedah daripada perbankan Is-

lam dan terus menggunakan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan Bank Islam walaupun selepas mereka menamatkan pengajian dan mulai bekerja nanti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Pelancaran Kad VISA Debit-i Universiti (UniDebit) di Universiti Malaysia Pahang (UMP), kampus Gambang, dekat sini, semalam.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengurus Negara VISA Malaysia, Stuart Tomlinson.

Pada majlis itu, seramai 20 pelajar UMP terpilih menerima kad UniDebit mereka.

Sementara itu, Daing Nasir

"Selain kemudahan on the campus yang unik, kad debit ini juga adalah titik permulaan yang baik untuk pelajar menggunakan ciri yang disediakan perkhidmatan perbankan semasa"

Zukri Samat,
Pengarah Urusan
Bank Islam

berkata, selain kemudahan yang sedia ditawarkan Bank Islam dalam kad UniDebit itu, UMP juga bercadang memperkenalkan beberapa lagi keistimewaan yang boleh dinikmati pemegang kad berkenaan.